

07/06/1999

Sirim iktiraf anak syarikat PNB

PERMODALAN Nasional Bhd (PNB), melalui syarikat kumpulannya iaitu PNB Equity Resource Corporation Sdn Bhd dan PNB Nomura Jafco Management Sdn Bhd berjaya mendapat satu lagi pengiktirafan Sijil Piawaian MS ISO 9002 daripada Sirim.

Penganugerahan itu menjadikan PNB sebagai sebuah pengurus dana pertama di Malaysia yang mendapat pengiktirafan MS ISO 9002 dari SIRIM QAS, dalam skop operasi pelaburan dan kegiatan berkaitan.

Penyampaian Sijil Piawaian MS ISO 9002 kepada Ketua Eksekutif PNB, Hamad Kama Piah Che Othman disampaikan sendiri oleh Dr Mohd Ariffin Aton, Presiden dan Ketua Eksekutif, SIRIM Bhd pada 2 Jun lalu di Menara PNB.

PNB akan terus cuba menyempurnakan iltizamnya untuk menjadi syarikat pelaburan terunggul di Malaysia. Penganugerahan Sijil MS ISO 9002 ini menunjukkan bahawa PNB sentiasa cuba meningkatkan perkhidmatannya kepada orang ramai dan sentiasa berusaha memberikan yang terbaik kepada pelaburnya.

Selain itu, pada 9 Jun 1999 ini PNB akan mengadakan Program Minggu Pelaburan Bersama PNB (MPBP) bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Dengan tema "Kejayaan PNB Kejayaan Kita", Minggu Pelaburan Bersama PNB akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Minggu Pelaburan itu diadakan dalam usaha untuk memberikan maklumat pendidikan pelaburan khusus untuk orang ramai. Pelbagai program khas dirancang untuk memastikan semua pihak mendapat yang terbaik. PNB turut mengumpulkan hampir 100 syarikat di dalam kumpulannya untuk bergabung tenaga di bawah satu bumbung bagi tujuan pameran dan merupakan satu pendekatan oleh PNB untuk meningkatkan kerjasama dan sinergi kumpulan.

Minggu Pelaburan Bersama PNB amat berfaedah untuk semua pihak dan tidak ketinggalan juga untuk generasi muda Malaysia agar mereka dapat menghayati erti sebenar tabungan dan cara untuk melabur dalam unit saham amanah. Generasi muda adalah harapan negara kerana mereka bakal mewarisi tanggung kepimpinan negara di masa hadapan.

Peluang itu harus digunakan oleh orang ramai untuk menyertai kegiatan yang diadakan serta menyaksikan pameran daripada syarikat di bawah kumpulan PNB.

Ini secara tidak langsung akan memberikan peluang yang lebih luas kepada orang ramai untuk melihat dengan lebih dekat kegiatan, barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat berkenaan. Dengan itu, orang ramai dan pelabur akan dapat menyaksikan sendiri kemantapan portfolio pelaburan Kumpulan PNB.

Tanpa pengetahuan yang meluas mengenai dunia pelaburan saham amanah, orang ramai tidak akan dapat memahami sumbangannya dalam membantu kemantapan ekonomi negara. Di Malaysia industri saham amanah menyumbang kurang daripada 100 peratus daripada permodalan pasaran saham negara. Ini jauh berbeza daripada negara maju seperti Amerika Syarikat, Jerman dan lain-lain yang industri saham amanahnya menyumbang di antara 40 peratus hingga 60 peratus permodalan pasaran saham negara. Ini menunjukkan industri saham amanah negara berpotensi untuk berkembang dan memainkan fungsi penting memajukan ekonomi negara.

Sebagai sebuah syarikat pelaburan terulung di Malaysia, PNB sedaya upaya memberikan yang terbaik buat para pelaburnya. Sesungguhnya, PNB amat mengharapkan sokongan daripada orang ramai kerana sambutan daripada orang

ramai terhadap Minggu Pelaburan Bersama PNB akan menjadi tali penyambung kepada usaha PNB untuk memberikan yang terbaik demi kesejahteraan kita bersama.

(END)